

12 MAY 1996  
Ting-Tabung  
TABUNG PERUMAHAN KOS RENDAH DITERUSKAN, KATA TING

JERAM, 12 Mei (Bernama) -- Tabung Perumahan Kos Rendah akan diteruskan bagi membantu pihak swasta mempercepatkan pelaksanaan projek perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, hari ini.

Tabung itu yang ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dana sebanyak RM500 juta, akan terus memberi pinjaman faedah rendah kepada pemaju perumahan swasta, katanya.

Ting berkata sebanyak 72 projek yang melibatkan 25,000 unit rumah kos rendah dalam pelbagai peringkat pembinaan telahpun diluluskan untuk mendapat pinjaman daripada Tabung itu.

Projek-projek tersebut melibatkan lebih daripada RM400 juta, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat sumber Kampung Baru Jeram di ibu pejabat MCA Jeram, di sini.

Dalam RMK7, pihak swasta telah diberikan tanggungjawab membina sebanyak 568,000 unit rumah pelbagai kos dengan 24.6 peratus rumah kos rendah dan 42.1 peratus rumah kos sederhana rendah.

Rancangan lima tahun itu yang akan berakhir pada tahun 2000, telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Mei lepas.

Ting berkata selain Tabung Perumahan, Kementerian itu telahpun menggariskan beberapa strategi untuk membantu pihak swasta mencapai sasaran perumahannya.

Antaranya ialah menggesa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan supaya mempercepatkan kelulusan pelan perancangan serta pelan bangunan untuk pecah sempadan dan tukar syarat, katanya.

Pihak bank dan institusi kewangan juga digalakkan memberi kemudahan pinjaman kepada golongan yang berpendapatan rendah ataupun mereka yang tidak berpendapatan tetap, katanya.

Ting berkata dalam RMK7 ini, pusat-pusat pendaftaran terbuka akan ditubuhkan di setiap negeri untuk menjamin mereka yang layak dapat membeli rumah kos rendah.

Negeri-negeri yang telah menubuhkan pusat itu ialah Negeri Selangor, Pahang, Johor dan Pulau Pinang, katanya. -- BERNAMA

ASM PR